



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**UCAPAN TAKZIAH DARIPADA BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA DI ATAS
KEPULANGAN KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM TUN MOHAMED DZAIDDIN
BIN HAJI ABDULLAH,
MANTAN KETUA HAKIM NEGARA**

YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara mewakili Badan Kehakiman Malaysia dan seluruh warga kerjanya mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham Tun Mohamed Dzaidin bin Haji Abdullah, mantan Ketua Hakim Negara di atas kepulangan Allahyarham ke rahmatullah pada 11 Julai 2024 bersamaan 5 Muharam 1446 Hijrah.

Allahyarham yang merupakan Ketua Hakim Negara bermula dari 20 Disember 2000 sehingga 15 Mac 2003 telah banyak berjasa kepada Badan Kehakiman Malaysia sepanjang tempoh perkhidmatan Allahyarham. Sesungguhnya kepulangan Allahyarham ke rahmatullah merupakan satu kehilangan besar yang amat dirasakan oleh seluruh warga Kehakiman khasnya dan negara amnya.

Warga Badan Kehakiman mendoakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang soleh.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

Tarikh: 12 Julai 2024